

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK RAIMIE BIN UNGGI [TENOM]
TARIKH : 11 JUN 2015 (KHAMIS)
SOALAN : Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI** menyatakan apakah perancangan dan
usaha pihak Kementerian dalam memajukan
pertanian di Parlimen Tenom.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Parlimen dari Tenom dan Dewan yang mulia ini, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah sememangnya telah dan sedang melaksanakan usaha-usaha bagi memajukan pertanian khususnya tanaman di Parliamen Tenom. Sepanjang Rancangan Malaysia Kesepuluh, RMK-10, beberapa projek pembangunan tanaman dilaksanakan seperti tanaman buah-buahan (pamelo dan betik sekaki) dengan keluasan 57 hektar yang melibatkan seramai 41 orang petani, tanaman industri (kopi Robusta) dengan keluasan 65 hektar dengan jumlah petani seramai 41 orang petani serta tanaman padi sawah (subsidi pembajakan) dengan keluasan 3,250.12 hektar melibatkan seramai 3,347 orang petani.

Untuk perancangan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas, RMK-11 (2016-2020), Jabatan Pertanian Sabah telah merancang untuk melaksanakan projek-projek pembangunan tanaman buah-buahan dan padi di kawasan Parlimen ini. Projek tanaman buah-buahan yang akan dilaksanakan terdiri daripada pelbagai jenis tanaman seperti pisang, pamelon, betik sekaki, durian, manggis, jambu batu, avokado, duku langsung, langsung, dokong, durian belanda dan jambu air. Pelaksanaan projek ini akan melibatkan kawasan seluas 566 hektar dengan anggaran bilangan petani seramai 312 orang daripada 17 buah kampung. Bagi projek pembangunan tanaman padi khususnya padi sawah pula, projek yang akan dilaksanakan adalah pemuliharaan tanah sawah terbiar dan peningkatan hasil padi. Projek ini akan dilaksanakan di kawasan seluas 422.61 hektar dengan anggaran bilangan petani terlibat seramai 262 orang daripada 7 buah kampung.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 11 JUN 2015
[KHAMIS]**

**DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]**

SOALAN :-

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan macam manakah Kementerian mengamalkan dasar yang menghendaki orang ramai mengasingkan sampah-sarap. Nyatakan sama ada pengasingan sampah-sarap ini dijalankan di kondominium dan cara ia dilaksanakan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan pengasingan sisa pepejal di rumah akan diwajibkan kepada semua premis bermula pada 1 September 2015. Pelaksanaan ini memerlukan pemilik premis membuat pengasingan sisa bagi sisa baki contohnya sisa makanan, lampin pakai buang dan lain-lain, sisa yang boleh dikitar semula, sisa pukal dan sisa kebun. Bagi sisa baki, ianya perlu dimasukkan ke dalam bekas yang bersesuaian atau plastik sampah dan dimasukkan ke dalam tong sampah yang dibekalkan oleh syarikat konsesi. Sisa ini akan dikutip sebanyak 2 kali seminggu.

Manakala bagi sisa yang boleh dikitar semula, sisa tersebut perlu diasingkan dan dimasukkan ke dalam bekas yang sesuai atau plastik sampah dan diletakkan di tepi tong sampah pada hari kutipan. Kutipan bagi sisa yang boleh dikitar semula ini akan dibuat seminggu sekali. Sisa kitar semula perlu diasingkan mengikut jenis sisa tersebut. Bagi sisa kertas,

pemilik premis digalakkan menggunakan plastik sampah berwarna biru, bagi sisa plastik, digalakkan menggunakan plastik sampah berwarna putih manakala sisa kitar semula yang lain seperti kaca, sisa elektronik, tin aluminium, dan lain-lain adalah digalakkan menggunakan plastik berwarna hijau. Sisa pukal seperti perabot dan peralatan elektrik perlu diletakkan dengan kemas di bahu jalan di hadapan rumah pada hari kutipan. Manakala sisa kebun atau sisa taman perlu diikat atau dimasukkan ke dalam plastik sampah atau bekas yang bersesuaian. Sisa perlu diletakkan di bahu jalan di hadapan rumah pada hari kutipan. Sisa pukal dan sisa kebun ini akan dikutip oleh syarikat konsesi seminggu sekali.

Pelaksanaan pengasingan sisa di rumah ini turut melibatkan premis kediaman bertingkat seperti kondominium dan rumah pangsa. Sisa yang diasingkan perlu diletakkan di tepi tong sampah. Manakala bagi sisa pukal seperti perabot dan peralatan elektrik perlu diletakkan dengan kemas di tepi rumah sampah.

Pengasingan sisa di rumah ini akan melibatkan pelaksanaan undang-undang di mana tindakan awal akan dikenakan kepada orang awam yang

gagal membuat pengasingan sisa. Peringatan mesra dan amaran akan diberikan kepada pemilik premis melalui edaran surat peringatan atau notis pemberitahuan kesalahan. Ini akan dilaksanakan sehingga Disember 2015. Manakala bermula Januari 2016, penguatkuasaan yang lebih menyeluruh akan dilaksanakan. Ini akan melibatkan semakan komposisi sampah di dalam tong sampah oleh penguatkuasa sebelum kutipan dijalankan, ataupun melalui makluman daripada syarikat konsesi.